

Bantuan banjir diberikan segera

Oleh SUFFIAN ABU BAKAR

MUAR 20 Dis. - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberi jaminan semua bantuan terhadap mangsa banjir di Johor akan disalurkan segera kepada penduduk yang dipindahkan, walaupun terdapat beberapa kawasan dan daerah yang mengalami masalah terputus hubungan.

Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, pihaknya akan memastikan semua bantuan kebajikan termasuk keperluan asas dan makanan dapat diterima oleh mereka yang kini ditempatkan di pusat-pusat pemindahan sementara.

Katanya, sejak banjir melanda Johor semalam, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menggerakkan semua jentera bantuannya termasuk kerahan dan membeku cuti semua kakitangan serta pegawai untuk membantu mangsa banjir di setiap daerah.

"Sehingga hari ini, kita telah mengendalikan semua operasi bantuan di 174 buah pusat pemindahan sementara di negeri ini termasuk dalam urusan mengagihkan bantuan barangan asas seperti makanan, tempat tidur dan sebagainya.

"Walaupun dua tempat iaitu Segamat dan Kluang terputus hubungan,

Walaupun dua tempat iaitu Segamat dan Kluang terputus hubungan, kita akan terus memastikan mangsa banjir di sana dan seluruh Johor tidak terputus daripada menerima bantuan

kita akan terus memastikan mangsa banjir di sana dan seluruh Johor tidak terputus daripada menerima bantuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melawat mangsa banjir yang ditempatkan di Kompleks Sukan Pagoh di Kampung Raja, dekat sini hari ini.

Selain kompleks terbabit, Shahrizat turut melawat dua buah pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Bukit Rahmat, Kundang Ulu dan Sekolah Agama Rakyat Tangkak dan menyampaikan bantuan berjumlah RM15,000 bagi setiap pusat, sumbangan Yayasan Kebajikan Negara.

Pada masa yang sama, beliau turut menyeru mana-mana penduduk yang masih belum menerima bantuan atau memerlukan sumbangan kebajikan berikutan fenomena banjir ketika ini supaya memaklumkan segera kepada penghulu atau ketua-ketua kampung


bagi mendapatkan bantuan.

Katanya, pihaknya menerusi Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (Mayang) serta dibantu Jabatan Kebajikan Masyarakat di setiap daerah akan bersiap sedia sekiranya terdapat mana-mana mangsa banjir yang memerlukan bantuan.

Ditanya mengenai kemungkinan jumlah pusat pemindahan sementara ini akan ditambah, beliau memberitahu, pihaknya sedang mengenal pasti mana-mana pusat penempatan baru yang sesuai untuk dijadikan pusat pemindahan sekiranya keadaan memerlukan.

Dalam pada itu, Shahrizat turut menyeru semua mangsa banjir yang masih terperangkap di kampung atau rumah supaya segera mendapatkan bantuan menerusi ketua-ketua kampung untuk tindakan segera agensi penyelamat dan bantuan yang ditubuhkan.

SHAHRIZAT ABDUL JALIL
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



SHAHRIZAT Abdul Jalil mendukung seorang bayi ketika melawat mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara di Kompleks Sukan Pagoh, Muar, Johor, semalam.